

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقر

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

HARI PUSTAKAWAN 2021

LIVE HD

LIVE@PTAR

Islam Dalam Perlembagaan
Persekutuan

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 6

Silence No More

PTAR Cawangan Rembau - muka 10

Cat Parenting 101

PTAR Cawangan Tapah - muka 21

WEBINAR

Cyberbully


PTAR Cawangan Rembau - muka 11

BICARA HARI PUSTAKAWAN

Pustakawan Muda & Norma Baharu

PTAR Cawangan Sarawak - muka 24





Selepas mendapat maklumat daripada Jawatankuasa Induk CSR: Ilmu Mengubah Destini (IMD@PTAR) Norma Baharu yang bersidang pada satu mesyuarat pada 9 Jun 2021, Rabu, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah merangka perancangan awal bagi menyokong pelaksanaannya. Satu Mesyuarat Perancangan CSR: Ilmu Mengubah Destini (IMD@PTAR) Norma Baharu telah diadakan pada 24 Jun 2021, Khamis yang lalu. Ahli mesyuarat yang hadir ialah wakil Sektor Sumber & Teknologi Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (SSTP JPNT), dan Pengurusan Tertinggi sekolah-sekolah yang pernah terlibat dalam program CSR: IMD@PTAR 2016 iaitu SK Kompleks Seberang Takir dan SMKA Nurul Ittifaq.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh En. Shahrol Nizam Johol, Timbalan Ketua Pustakawan, adalah bertujuan memberi makluman awal bagi program yang dirancang. Ianya disambut baik oleh Tuan Hj. Wan Mohd Zuhaidi Wan Hassan, Ketua Penolong Pengarah SSTP JPNT dan juga pihak pengurusan sekolah yang terlibat. Semoga perancangan program yang digarapkan dapat direalisasikan kelak.